



SURUT... air Empangan Sungai Selangor surut 50 peratus sejak dua bulan lalu.

Air surut mendadak

Empangan Sungai Selangor bermasalah sejak 2 bulan lalu

>>Oleh Md Fuzi Abd Lateh
mdfuzi@hmetro.com.my

KUALA KUBU BHARU: Penurunan paras air Empangan Sungai Selangor sebanyak 52.02 peratus dekat sini amat membimbangkan penduduk sekitar Kuala Kubu Bharu di Hulu Selangor.


Tinjauan Harian Metro di sini semalam mendapati air empangan itu surut mendadak sejak dua bulan lalu dan jika berterusan boleh mengundang masalah gangguan air kepada penduduk di Lembah Klang dan Putrajaya.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Persekutuan (JKK KP) Kuala Kubu Bharu, Mohamad Rafdzi Razali, 58, berkata walaupun bekalan air daripada empangan itu tidak disalurkan kepada penduduk setempat, mereka tetap bimbang perkara lebih buruk berlaku termasuk bekalan air bersih akan terganggu.

"Kami mahu Kerajaan Pusat membantu menyelesaikan perkara ini selepas kerajaan negeri dilihat tidak mampu menyelesaikan masalah ditanggung rakyat dari semasa ke semasa," katanya.

Menurutnya, penduduk Hulu Selangor amat bersejua agar Kerajaan Pusat menyelesaikan isu pembinaan loji rawatan air Empangan Langat 2 yang diperkatakan ketika ini.

Bagi Pengerusi JKKKP Pekan Kuala Kubu Bharu, Md Yusof@Mustapha Kamaruddin, 66, berkata penduduk daerah itu berharap masalah ini tidak berlarutan lebih lama. "Kami amat prihatin ma-



MOHAMAD RAFDZI...risau



MD YUSOF...prihatin



ARDIANA...ada hikmah

salah pengguna air di Selangor dan akan menyukarkan pelbagai pihak," katanya.

Seorang penduduk, Ardiana Ajimi, 28, berkata masalah ini ada banyak hikmahnya demi membantu

rakyat negeri ini.

Katanya, kerajaan negeri disarankan agar tidak mempolitikkan isu air sebaliknya menyelesaikan perkara ini dengan segera.

"Kami bimbang masalah air ini terus meruncing menyebabkan ramai yang gagal menerima bekalan di Lembah Klang," katanya.

Sementara itu, Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Md Khairi Selamat berkata, air empangan itu mampu menampung kapasiti air sebanyak 235 juta meter padu.

Katanya, sehingga 16 Oktober ini kapasiti empangan menunjukkan peningkatan kepada tahap 53.48 peratus iaitu 123 juta meter padu berbanding pada 11 Oktober lalu di tahap 52.02 peratus iaitu 119.65 juta meter padu.

"Baki aliran (residual flow) di baraj Bestari Jaya juga meningkat. Bacaan pada 16 Oktober lalu sebanyak 2,581 juta liter sehari (JLH) berbanding jumlah minimum 300 JLH. Selain itu, penurunan kadar pelepasan air dari empangan menunjukkan air sungai mencukupi untuk keperluan terutama keperluan loji pembersihan air (LPA).

"Jumlah kapasiti empangan ini dijangka terus meningkat kerana kawasan empangan sudah mula menerima hujan dan perubahan musim kering (Monsun Barat Daya) kepada musim hujan (Monsun Timur Laut) yang bermula dari November sehingga Mac. Kapasiti empangan dijangka akan kembali penuh (100 peratus) seperti biasa ketika musim hujan ini," katanya.